

PM minta rakyat Sabah sokong BN

Oleh Lichong Angkui

KOTA KINABALU, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat Sabah memberi sokongan mutlak kepada Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya 18-19 Februari ini, bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang dinamik serta tidak ketinggalan berbanding negeri lain.

Menurut Perdana Menteri, pilihan raya kali ini peluang terbaik bagi rakyat Sabah membuat perubahan kerana setiap undi akan menentukan masa depan mereka.

"Tanggungjawab anda pada 1994 ini amat berat sekali. Andalah yang akan menentukan sama ada Sabah akan terus ketinggalan di belakang negeri-negeri Malaysia yang lain atau menjadi sebuah Sabah Baru yang dinamik.

"Andalah yang wajib menentukan sama ada kebajikan rakyat Sabah harus dikorbankan kerana pertelagahan dan kepahitan beberapa pemimpin Sabah," katanya dalam 'Surat peribadi kepada semua rakyat Sabah' yang diiklankan menerusi media massa tempatan, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, rakyat patut menggunakan hak demokrasi mengundi secara bijak bagi menentukan pertumbuhan ekonomi Sabah kekal seperti dulu untuk lima tahun lagi atau ekonomi yang lebih dinamik pada masa akan datang.

Katanya, penentuan itu terletak di tangan setiap pengundi Sabah dan bukannya pada sesiapa.

"Sebagai pemimpin BN,

saya meminta sokongan anda untuk gabungan lebih besar yang mana akan menghala kita ke arah suatu ekonomi yang menakjubkan untuk Sabah.

"Kami sudah mencapai keamanan, kemajuan dan kestabilan untuk rakyat Malaysia lebih 37 tahun. Hasilnya setiap rakyat Malaysia tidak kira apa jua kaum atau agama menikmati kejayaan.

"Kepentingan kami hanyalah untuk membantu Sabah mendapatkan bahagiannya dalam kemakmuran di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mahu rakyat Sabah dianaktirikan atau tertinggal ketika negara melangkah ke abad ke-21 dengan sasaran Wawasan 2020.

Perdana Menteri juga

mahu rakyat jangan membuang masa mengenai perbincangan sempit berkaitan soal perkauman oleh ahli politik yang bercita-cita tinggi demi kepentingan diri sendiri.

Katanya, rakyat boleh bersama-sama membentuk Sabah sebagai sebuah negeri yang maju dalam ekonomi serta bersemangat waja yang akan menjadikan rakyat Sabah berbangga dengan negerinya serta dihormati oleh setiap orang di dalam atau di luar Malaysia.

"Saya menggesa anda memberi Barisan Nasional satu mandat untuk sebuah Sabah Baru. Sabah yang potensinya disedari sepenuhnya dan anak-anaknya bakal mewarisi kekayaan dan kemakmuran dengan sempurna," katanya.